

Premium insurans kesihatan

'Kenaikan tak diteruskan tanpa alasan munasabah'

Bukit Mertajam: Kerajaan tidak akan bertolak ansur sekiranya premium insurans kesihatan dinaikkan tanpa alasan yang munasabah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Kalau saya sendiri tidak yakin kenaikan itu munasabah, saya tidak akan pertahankan dan saya tidak akan izinkan.

“Ini prinsip kita. Sebab sementara premium insurans itu dinaikkan, mesti ada alasan yang munasabah.

“Antara yang paling tidak munasabah adalah kadar. Ia kena ada standard seperti banyak negara buat seperti Georgetown University Hospital, Washington, kalau dia bagi *stent* (jantung), gerenti dua atau lima tahun dan jika ada masalah dalam dua tahun, hospital itu wajib beri pengurangan. Kita kena ada mekanisme macam itu,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Blok Baharu Hospital Pakar KPJ Penang di sini, semalam seperti laporan **BERNAMA**.

Sementara itu, Anwar menggalakkan beliau supaya berani melakukan perubahan dengan



Anwar mengadakan lawatan ke bangunan Blok Baharu Hospital Pakar KPJ Penang di Bukit Mertajam, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

menguasai bahasa Inggeris dan Mandarin dalam usaha mengangkat martabat negara sebagai kawasan penting ekonomi dunia.

Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu akur dengan kepelbagaian bahasa yang ada, apatah lagi ia juga boleh membantu dalam urusan diperlukan.

“Saya bukan bersetuju semua dengan budaya Inggeris, tetapi saya tahu bahasa Inggeris itu penting.

“Pada peringkat antarabangsa, kalau saya tidak menguasai bahasa Inggeris, saya tidak boleh mengajar di universiti dan tidak boleh berbicara dengan senang serta bebas.

“Begitu juga bahasa Cina. Ki-

ta tahu China adalah ekonomi besar dunia yang Malaysia mempunyai hubungan baik dengannya.

“Kalau dahulu ketika saya mengajar di sini (Sekolah Menengah Persendirian Jit Sin, Bukit Mertajam), bahasa Cina itu dianggap sebagai bahasa suku kaum Cina, tetapi sekarang ia bukan lagi begitu kerana me-

nguasai bahasa mereka akan memberikan keuntungan kepada kita,” katanya dalam ucapan ketika mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Persendirian Jit Sin, di sini, semalam.

Yang hadir sama Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.